

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PERASMIAN MAJLIS RENJER PUTERI KEBANGSAAN, PERSATUAN PANDU PUTERI
MALAYSIA
Lokasi : DI SEKOLAH TUN FATIMAH, JOHOR BAHRU
Tarikh : 03-06-1991

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Dif-Dif Kehormat; Puan-puan dan Tuan-tuan yang dihormati sekalian, Syukur kita kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izinNya dapat kita bersama-sama hadir di majlis hari ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Pandu Puteri Malaysia kerana memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan mesyuarat Majlis Renjer Puteri Kebangsaan yang pertama pada hari ini. Hari ini juga merupakan hari yang bersejarah kerana dengan rasminya kita menubuhkan sebuah majlis bagi Renjer Puteri.

2. Saya difahamkan bahawa antara lain, tujuan mesyuarat Majlis Renjer Puteri pada hari ini ialah untuk berbincang dan mendapatkan cadangan-cadangan daripada ahli-ahli berhubung dengan pembentukan dasar Renjer Puteri. Ini memanglah wajar kerana dasar-dasar yang bernas adalah penting bagi menjamin aktiviti-aktiviti Renjer Pandu Puteri dapat berjalan dengan teratur dan berkesan selaras dengan matlamat-matlamatnya. Di samping itu, dasar-dasar yang bernas juga akan dapat membantu persatuan merancang dengan teliti keperluan ahli-ahli di peringkat daerah, negeri dan juga peringkat kebangsaan.

Puan-puan dan tuan-tuan,

3. Sebagaimana kita sedia maklum, ahli Renjer Puteri terdiri daripada golongan remaja yang di dalam lingkungan umur 16 hingga 18 tahun. Golongan ini merupakan peringkat umur yang senang diasuh, diajar dan diberi bimbingan. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab Persatuan Renjer Puteri untuk menentukan bahawa anak-anak muda kita ini diberi peluang yang secukup-cukupnya untuk menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman di samping menanam nilai-nilai yang baik seperti semangat kerjasama serta saling bantu-membantu, dedikasi, tekun berusaha dan sebagainya. Dengan cara ini, saya yakin kita akan dapat membantu melahirkan warganegara yang berguna bukan sahaja kepada keluarga, bahkan juga kepada masyarakat dan negara.

Puan-puan dan tuan-tuan,

4. Pergerakan Kepanduan adalah satu-satunya gerakerja luar yang menyokong kurikulum sekolah. Jika kurikulum sekolah dapat membentuk pelajar agar menjadi warganegara yang seimbang daripada segi jasmani, emosi, rohani dan intelek, Pergerakan Kepanduan berharap mencernakan lagi anak-anak gadis ini supaya menjadi warganegara yang berdisiplin, percaya dan yakin kepada diri sendiri, bertanggungjawab, sedia memberi khidmat bakti dan sentiasa bersedia.

5. Saya harap ahli-ahli Renjer Puteri yang hadir pada hari ini akan satu hari kelak menjadi pemimpin dan seterusnya Pesuruhjaya. Dengan itu tanggungjawab untuk menentukan wujudnya sinambungan segala kerja amal yang telah dicorakkan oleh pemimpin-pemimpin dan pesuruhjaya masa kini terletak di atas para ahli Renjer Puteri sekalian.

Puan-puan dan tuan-tuan,

6. Dengan ini saya sudahi ucapan saya ini dan dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim saya merasmikan Mesyuarat Majlis Renjer Puteri Kebangsaan yang Pertama.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

